# KPKT timbang wujud penempatan semula untuk pelarian UNHCR

Bernama | Diterbitkan 8 Ogs 2019, 10:14 pagi



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji idea mewujudkan perkampungan penempatan semula untuk mengumpulkan semula pelarian yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) yang bertaburan di seluruh negara.

Bercakap kepada *Bernama*, Menterinya Zuraida Kamaruddin berkata langkah itu bukan sahaja memudahkan pemantauan pelarian sedia ada khususnya Rohingya, tetapi pada masa sama, ia akan membolehkan komuniti berkenaan mendapat akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan.

"Sekiranya kita boleh menubuhkan satu kawasan yang ditetapkan atau perkampungan untuk mereka dengan kemudahan seperti sekolah dan untuk memberi mereka orientasi kepada gaya dan budaya Malaysia agar mereka dapat 'bercampur', kita sebenarnya boleh membantu mereka.

"Dengan cara ini, kita juga boleh menggunakan tenaga kerja mereka dalam beberapa sektor berbanding hanya bergantung kepada pekerja asing. Kita boleh meminimumkan kemasukan pekerja asing dengan memanfaatkan komuniti pelarian," katanya semalam.